



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah,
Karung Berkunci No. 6,
70990 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel : 06-7653100
Faks : 06-7639969
Laman Web : jpnns.moe.gov.my

Ruj. Tuan: ME/2022/11/01
Ruj. Kami: JPNS.SPPPPD.100-2/5/4 Jld.10 (79)
Tarikh: 24 November 2022

ENCIK ADILLAH BIN ABU SAMAH

Ketua Pegawai Eksekutif
ME12PAY DIGITAL SDN BHD
2-19-01 Worldwide @ 7
Jalan Lazuardi 7/29 Section 7
40000 Shah Alam
Selangor

Tuan,

PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM GO-DIGITAL SEKOLAH TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH UNTUK TAHUN 2023-2024

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan tiada halangan kepada pihak **ME12PAY DIGITAL SDN BHD** bagi **Permohonan Pelaksanaan Program Go-Digital Sekolah Tanpa Sebarang Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah Untuk Tahun 2023-2024** seperti yang terkandung dalam surat tuan kepada kami. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2018 – Garis Panduan Perwakilan Kuasa** daripada **Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru, dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.**

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan perlu mematuhi syarat-syarat berikut :-

3.1 Kebenaran menjalankan promosi kepada semua sekolah adalah tertakluk kepada arahan-arahan semasa daripada MKN dan segala SOP yang sedang berkuatkuasa;

- 3.2 Mendapat kebenaran daripada Pegawai Pendidikan Daerah (PPD)/ Guru Besar dan Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat; (Rujukan: Perkara 3.1, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.10/2011);
- 3.3 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunakan bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.4 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.5 Murid-murid, guru-guru, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan untuk menerima/membeli produk yang ditawarkan oleh pihak tuan;
- 3.6 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan guru dan murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.7 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 3.8 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa atau penjaga;
- 3.9 Guru/guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- 3.10 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat;
- 3.11 Pihak penganjur perlu mematuhi syarat-syarat kelulusan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia no.rujukan: **KPM.600-10/22/6 Jld.85(31)**;
- 3.12 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut; dan

3.13 Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.


4. Kelulusan ini bagi (**Permohonan Pelaksanaan Program *Go-Digital* Sekolah Tanpa Sebarang Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah Untuk Tahun 2023-2024**) hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMMAD ZAIDI BIN ISHAK PMC)

Timbalan Pengarah

Sektor Perancangan Dan Pengurusan

b.p.: Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan